

Pulihara bangunan bersejarah di KL

Tinggalan sejarah itu akan rosak jika tidak diambil tindakan segera

SHAH ALAM

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu usaha memulihara dan memelihara bangunan bersejarah yang mempunyai kaitan dengan negeri itu khususnya di Kuala Lumpur diperhebat.

Menurut kenyataan dimuat naik menerusi Facebook rasmi Selangor Royal Office pada Ahad, Sultan Sharafuddin bimbang jika bangunan dan monumen itu tidak dipulihara secepat mungkin serta terbiar,

SEMPENA HARI WILAYAH

tinggalan sejarah itu akan runtuh atau rosak sehingga tidak boleh diselamatkan lagi.

“Jika itu berlaku, kos pemuliharaan akan menjadi lebih tinggi dan seterusnya akan merugikan negara.

“Pihak berkaitan seperti Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan Warisan Negara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu melakukan pemuliharaan serta pemeliharaan lebih intensif terhadap bangunan bersejarah tersebut,” titah baginda sempena sambutan Hari Wilayah



SULTAN SHARAFUDDIN

Persekutuan pada Isnin.

Titah baginda kebanyakan bangunan seumpama itu memiliki nilai sejarah yang sangat tinggi serta masih menjadi destinasi pelancongan tumpuan di ibu negara.

Sultan Sharafuddin memberi contoh Bangunan Sultan Abdul Samad yang dirasmikan pada 1897 pernah menempatkan pusat pentadbiran kerajaan Selangor semasa Kuala Lumpur menjadi ibu negeri Selangor hingga 1974, sebelum ibu negeri Selangor dipindahkan ke Shah Alam.

Titah Sultan Selangor baginda juga pernah bertugas se-



Bangunan Sultan Abdul Samad yang dirasmikan pada 1897 pernah menempatkan pusat pentadbiran kerajaan Selangor semasa Kuala Lumpur menjadi ibu negeri Selangor hingga 1974.

bagai penjawat awam dengan kerajaan Selangor di Bangunan Sultan Abdul Samad pada 1968.

Titah baginda, bangunan-bangunan bersejarah lain seperti Carcosa Seri Negara, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Gereja St Mary, Stesen Kereta Api Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Kereta Api Tanah Melayu (KTM) Berhad, Istana Negara lama serta Stadium Merdeka

sarat dengan kisah sejarah melibatkan pembentukan negara ini, yang kebanyakannya mempunyai kaitan rapat dengan sejarah awal Selangor.

“Seni bina Moorish dan Moghul yang melatari reka bentuk bangunan bersejarah di sekitar Kuala Lumpur seharusnya dipulihara untuk dihargai generasi akan datang,” titah baginda. - Bernama